

SIARAN MEDIA

CRADLE FUND SDN. BHD. MENGUMUMKAN PERLETAKAN JAWATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Norman Matthieu Vanhaecke dilantik sebagai Pemangku

KUALA LUMPUR, 23 MEI 2022 – Barisan Lembaga Pengarah Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) mengumumkan bahawa Rafiza Ghazali akan meletakkan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berkuatkuasa 31 Mei 2022. Sementara itu, pihak Lembaga Pengarah telah melantik Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke sebagai Pemangku. Pelantikan itu berkuatkuasa 1 Jun 2022 sehingga penggantian tetap disahkan.

Rafiza telah memainkan peranan penting dalam meluaskan mandat bagi Cradle yang telah melangkaui sekadar pemberian geran, kepada peranan terkini sebagai peneraju ekosistem *start-up* melalui Strategi MYStartup. Sepanjang perkhidmatannya, Cradle telah dilantik sebagai '*focal point*' untuk Ekosistem *Start-up* Malaysia dan sebagai agensi penyelaras untuk Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* Malaysia 2021-2030 (SUPER).

Dengan sokongan Kementerian Kewangan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pihak Lembaga Pengarah kini menjalankan proses semakan dan penilaian yang teliti untuk mengenalpasti pengganti yang terbaik bagi Rafiza. Pelantikan baharu akan diumumkan setelah keputusan dan kelulusan yang sewajarnya telah diperolehi.

"Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Rafiza di atas sumbangan beliau kepada Cradle dan komuniti start-up. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Rafiza telah bekerja dengan efektif dengan semua pemegang berkepentingan utama dan menunjukkan keupayaannya dalam meletakkan Cradle untuk memainkan peranan kepimpinan dalam Ekosistem Start-up Malaysia. Di atas kapasiti individu, Rafiza juga telah menetapkan tanda aras bagi penyertaan wanita memegang jawatan kanan dalam arena digital dan start-up. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada Rafiza dalam perancangan masa hadapan beliau." kata Datuk Yvonne Chia, Pengerusi, Cradle.

Dalam pada itu, Lembaga Pengarah akan terus bekerjasama rapat dengan Norman Matthieu Vanhaecke dan Pengurusan Kanan di Cradle untuk memastikan proses peralihan kepimpinan berjalan dengan lancar.

CRADLE FUND SDN BHD

MENGENAI KAMI

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) ialah pemangkin *start-up* peringkat awal di Malaysia, diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia pada 2003 dengan mandatnya menyediakan dana kepada syarikat permulaan berpotensi dan berkaliber tinggi dalam bidang teknologi melalui Program Pelaburan Cradle (Cradle Investment Programme, CIP).

Sepanjang sejarahnya, Cradle telah membantu membiayai lebih 1000 *start-up* di Malaysia dan mempunyai kadar pengkomersilan tertinggi dalam geran kerajaan di negara ini. Dengan lebih sedekad pengalaman dalam sektor pendanaan geran negara, Cradle meluaskan lagi peranannya daripada penyedia geran kepada pelabur melalui penubuhan cabang usaha niaganya, Cradle Seed Ventures pada 2015 dan susulan pengembangan portfolionya kepada pelaburan ekuiti pada awal 2017, Cradle kini menawarkan bantuan pendanaan dan pelaburan.

Sehubungan dengan pengumuman Pelan Hala Tuju Ekosistem Start-up Malaysia (SUPER) pada tahun 2021, Cradle telah dilantik menjadi agensi *focal point* bagi ekosistem *start-up* telah diberi mandat untuk memastikan kejayaan sebuah ekosistem terangkum untuk membolehkan dan menggalakkan pertumbuhan di kalangan *start-up*. Cradle juga menerajui Program MYStartup - salah satu intervensi yang dikenal pasti di bawah lima Pemacu Ekosistem dalam SUPER - di mana ia menyumbang secara langsung kepada usaha dalam meningkatkan bilangan *start-up* yang inovatif dan berkualiti

Cradle turut menjalankan program yang dipacu pasaran untuk melatih usahawan dan mengurus tadbir *Angel Tax Incentive* (ATIO), yang direka bagi pelabur budiman untuk diberikan potongan cukai sehingga RM500,000 bagi merangsang dan menggalakkan pelaburan budiman daripada sektor swasta ke dalam *start-up* berasaskan teknologi di Malaysia.

Penawaran produk Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersilan, latihan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan usahawan yang pelbagai pada masa ini.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Cradle, sila layari www.cradle.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ali Baizuri Razali

PR & Media

Komunikasi Strategik

Cradle Fund Sdn Bhd

ali.baizuri@cradle.com.my

+6011-6329 5400